

Terma dan Syarat yang mengatur Kad Kredit GSC Hong Leong Bank ("T&Cs")

Terma dan syarat di bawah ini hendaklah dibaca bersama-sama Perjanjian Pemegang Kad Bank ("Perjanjian Pemegang Kad"). Selain daripada perubahan seperti tertera di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad hendaklah diguna pakai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian dengan T&Cs ini, maka T&Cs hendaklah diutamakan sejauh mana terma-terma itu terpakai kepada Kad Berjenama Bersama. Dengan menerima Kad Berjenama Bersama, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat seperti mana dipaparkan dalam T&Cs ini, dan Perjanjian Pemegang Kad Bank.

1. A. Takrifan: Dalam T&Cs ini, melainkan konteks menghendaki sebaliknya atau melainkan diungkapkan sebaliknya secara nyata di sini, maka ungkapan berikut akan mempunyai pengertian seperti berikut:
 - a) **"Bank"** bermakna Hong Leong Bank Berhad;
 - b) **"Pemegang Kad"** bermakna individu yang namanya tertera pada Kad Berjenama Bersama, sama ada Pemegang Kad Utama atau Tambahan, melainkan dinyatakan sebaliknya;
 - c) **"Kad Berjenama Bersama"** bermakna kad kredit yang dikeluarkan oleh Bank dengan logo GSC tercetak padanya dan/atau apa-apa nama lain, logo dan/atau tanda niaga seperti mana ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa, melainkan dinyatakan sebaliknya;
 - d) **"Tawaran Item Konsesi"** bermakna diskaun 30% bagi pembelian popcorn bucket, snek dan minuman menerusi laman web GSC atau aplikasi mudah alih GSC dan diskaun 10% bagi pembelian popcorn bucket, snek dan minuman di kaunter pawagam GSC tertakluk kepada pengecualian di bawah Fasal 18 dan T&Cs di dalam ini;
 - e) **"Keistimewaan Menjamu Selera"** bermakna diskaun sehingga 20% yang Pemegang Kad berhak mendapatnya apabila makan di restoran GSC seperti mana ditentukan oleh GSC dan Bank;
 - f) **"GSC"** bermakna Golden Screen Cinemas Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat yang menguruskan dan mengendalikan rangkaian pawagam dengan nama Golden Screen Cinemas;
 - g) **"Tawaran Tiket Filem GSC"** bermakna diskaun Ringgit Malaysia Enam (RM6) bagi setiap tiket filem untuk orang dewasa tertakluk kepada pengecualian seperti dinyatakan di bawah Fasal 3, Fasal 4 dan T&Cs di sini;
 - h) **"Tawaran Kod Promo Tiket Filem GSC"** bermakna keistimewaan yang diberikan kepada Pemegang Kad Utama yang Baharu "NTC" bergantung kepada jenis Kad Berjenama Bersama yang dimohon oleh Pemegang Kad. Pemegang Kad Utama NTC bagi Kad Berjenama Bersama Gold akan berhak menerima lima (5) tiket dewasa GSC dan Pemegang Kad Utama NTC bagi Kad Berjenama Bersama Platinum akan berhak menerima sepuluh (10) tiket dewasa GSC dan dengannya satu (1) Kod Promo Tiket Filem GSC unik akan diberi kepada Pemegang Kad Utama untuk menebus tiket filem;
 - i) **"Mata Ganjaran GSC"** bermakna mata ganjaran yang diberi kepada Pemegang Kad kerana berbelanja menggunakan Kad Berjenama Bersama;
 - j) **"Program Mata Ganjaran GSC"** bermakna program yang menghadihkan Mata Ganjaran GSC kepada Pemegang Kad untuk Penebusan Mata Ganjaran GSC.
 - k) **"Penebusan Mata Ganjaran GSC"** bermakna penebusan yang dibuat oleh Pemegang Kad menggunakan Mata Ganjaran GSC untuk mendapat tiket filem GSC, popcorn bucket, snek dan minuman selaras dengan dan tertakluk kepada terma dan syarat di dalam ini;
 - l) **"NTC"** bermakna Pemegang Kad baharu yang tidak memegang apa-apa kad kredit sedia ada yang dikeluarkan oleh Bank (termasuk Mach) dan/atau Pemegang Kad yang telah membatalkan kad kredit mereka dengan Bank dan telah memohon semula Kad Berjenama Bersama baharu sebagai Pemegang Kad Utama selepas dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut;

- m) **"Pemegang Kad Utama"** bermakna Pemegang Kad yang kepadanya dikeluarkan Kad Utama;
- n) **"Kad Utama"** bermakna Kad Berjenama Bersama dikeluarkan kepada Pemegang Kad oleh Bank sebagai Pemegang Kad utama;
- o) **"RM"** bermakna Ringgit Malaysia, mata wang sah di Malaysia; dan
- p) **"Pemegang Kad Tambahan"** bermakna individu yang dinamakan oleh Pemegang Kad sebagai Pemegang Kad Tambahan selaras dengan Fasal 22 Perjanjian Pemegang Kad dan yang kepadanya Bank mengeluarkan Kad Berjenama Bersama.

B. Tafsiran

- a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar akan mempunyai pengertian sama seperti ditakrif dalam Perjanjian Pemegang Kad melainkan ditakrif secara khusus dalam T&Cs ini.
 - b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
 - c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal hendaklah termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.
2. Kad Berjenama Bersama hanya boleh digunakan untuk pembelian bagi kegunaan sendiri dan tidak boleh digunakan untuk pembelian perniagaan atau komersial. Bank berhak menamatkan mana-mana Kad Berjenama Bersama yang dianggap oleh Bank telah digunakan untuk pembelian perniagaan atau komersial dengan memberi notis terlebih dahulu.

Tawaran Tiket Filem GSC

3. Pemegang Kad adalah layak menikmati Tawaran Tiket Filem GSC untuk penempahan tiket filem yang dibuat menerusi laman web GSC atau aplikasi mudah alih GSC sahaja. Tawaran Tiket Filem GSC adalah tertakluk kepada pembelian maksimum LAPAN BELAS (18) tiket filem dewasa bagi setiap Kad Berjenama Bersama sehari.
4. Tawaran Tiket Filem GSC boleh digunakan untuk membeli filem 2D, filem 3D, Twin Seats, Gold Class, Premier Class, Premium Leather, Dolby Atmos, MAXX, D-Box dan kerusi ScreenX sepanjang hari di semua pawagam GSC seluruh negara termasuk GSC Signature Hall **kecuali:**
- a) tayangan di **semua** Aurum Theatre;
 - b) tayangan di GSC Terminal 1, Seremban;
 - c) tayangan hari Rabu; dan
 - d) tayangan filem khas.
5. Fi penempahan RM0.50 akan dikenakan bagi setiap tiket filem yang dibeli menerusi laman web GSC atau aplikasi mudah alih GSC.
6. Tawaran Tiket Filem GSC tidak boleh digunakan untuk membeli tiket bagi tayangan hari Rabu atau apa-apa tiket filem berdiskaun.

Tawaran Kod Promo Tiket Filem GSC

7. Pemegang Kad Utama NTC adalah berhak menikmati Tawaran Kod Promo Tiket Filem GSC dengan menggunakan satu (1) Kod Promo Tiket Filem GSC unik yang sah selama enam (6) bulan dari tarikh pengaktifan Kad Berjenama Bersama ("**Tempoh Sah**").

8. Bagi mengelakkan keraguan, setiap transaksi yang dilakukan oleh Pemegang Kad Utama NTC berhak untuk menebus satu (1) tiket dewasa sahaja dengan menggunakan Kod Promo Tiket Filem GSC unik. Oleh itu berbilang transaksi mestilah dilakukan dengan menggunakan Kod Promo Tiket Filem GSC unik yang sama untuk menebus tiket filem dewasa 2D yang biasa di semua pawagam GSC seluruh negara **kecuali** tayangan di **semua** Aurum Theatre, tertakluk kepada maksimum tiga (3) transaksi bagi setiap Kad Berjenama Bersama sehari.
9. Kod Promo Tiket Filem GSC mestilah ditebus dengan Kad Berjenama Bersama yang diluluskan menerusi laman web GSC atau aplikasi mudah alih GSC sahaja.
10. Kod Promo Tiket Filem GSC akan disampaikan kepada Pemegang Kad Utama menerusi Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) kepada nombor telefon bimbit yang berdaftar dengan Bank selepas Kad Berjenama Bersama diaktifkan oleh Pemegang Kad Utama, tertakluk kepada keadaan trafik SMS di rangkaian penyedia perkhidmatan telekomunikasi (“**Telco**”) masing-masing.
11. Bank tidak bertanggungjawab terhadap dan juga tidak mempunyai apa jua kawalan ke atas keadaan kesesakan trafik SMS, kegagalan dan/atau gangguan dan/atau kesesakan rangkaian di pihak Telco masing-masing atau terhadap apa jua sebab semasa penghantaran Kod Promo Tiket Filem GSC kepada nombor telefon bimbit yang berdaftar.
12. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Utama NTC berkewajipan memberi kepada Bank butiran nombor telefon bimbit mereka yang terkini dan tepat. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan sekiranya Bank gagal menyampaikan Kod Promo Tiket Filem GSC kepada Pemegang Kad Utama NTC atas sebab nombor telefon bimbit yang diberi oleh Pemegang Kad Utama NTC itu tidak tepat atau tak kemaskini, atau SMS tidak dapat dihantar atau disampaikan kerana gangguan rangkaian Telco.
13. Pemegang Kad Utama NTC yang tidak menerima Kod Promo Tiket Filem GSC dalam masa enam (6) bulan dari tarikh pengaktifan Kad Berjenama Bersama hendaklah menghubungi Bank dengan menelefon Pusat Panggilan Bank di talian 03-7626 8899. Jika tidak, dia akan dianggap telah menerima Kod Promo Tiket Filem GSC dan sebarang tuntutan untuk pembayaran ganti Kod Promo Tiket Filem GSC selepas enam (6) bulan dari tarikh pengaktifan Kad Berjenama Bersama tidak akan dilayani oleh Bank.
14. Kod Promo Tiket Filem GSC yang tidak digunakan semasa Tempoh Sah akan luput tarikh dan menjadi tak sah atau batal. Bank tidak memberi bayaran balik, pelanjutan masa atau apa-apa pampasan pun.
15. Pemegang Kad boleh menyemak bilangan tiket filem yang masih ada untuk penebusan dengan cara:
 - a) menghubungi Pusat Panggilan Bank di talian 03-7626 8899; atau
 - b) menyemak menerusi laman web GSC/aplikasi mudah alih GSC.
16. Kod Promo Tiket Filem GSC akan serta-merta terbatal atau terlupus apabila berlaku sahaja salah satu peristiwa berikut dan Bank tidak akan membuat apa jua bayaran balik atau pampasan:
 - a) pembatalan Kad Berjenama Bersama atas apa jua sebab sekalipun;
 - b) akaun Kad Berjenama Bersama menjadi delinkuen (tertunggak);
 - c) Tawaran Kod Promo Tiket Filem GSC ditamatkan atas apa jua sebab; dan
 - d) Penggunaan Kad Berjenama Bersama secara tipuan atau tanpa kebenaran, sebagaimana ditentukan oleh Bank.

17. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang penebusan tanpa kebenaran tiket filem dengan menggunakan Kod Promo unik bagi Tiket Filem GSC.

Tawaran Barangan Konsesi

18. Pemegang Kad adalah layak menikmati Tawaran Barangan Konsesi dengan membuat bayaran menggunakan Kad Berjenama Bersama sahaja. Tawaran Barangan Konsesi tidak sah digunakan bagi semua Aurum Theatre.

Keistimewaan Menjamu Selera

19. Pemegang Kad Berjenama Bersama adalah layak menikmati Keistimewaan Menjamu Selera dengan menggunakan Kad Berjenama Bersama.
20. Keistimewaan Menjamu Selera tidak terpakai kepada promosi, catering dan di Aurum Theatre dan terpakai untuk makan di restoran-restoran terpilih GSC sahaja iaitu Glitters Café, Paradiso, Café Caro & Dessert Bar dan mana-mana restoran lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
21. Tawaran Tiket Filem GSC, Tawaran Kod Promo Tiket Filem GSC, Tawaran Barangan Konsesi, Keistimewaan Menjamu Selera, Program Mata Ganjaran GSC dan Penebusan Mata Ganjaran GSC bukan untuk jualan dan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai, kredit atau manfaat barangan, sebahagian atau keseluruhan.

Program Mata Ganjaran GSC

22. Pemegang Kad adalah layak menyertai Program Mata Ganjaran GSC. Bagi setiap RM1 dibelanjakan dengan Kad Berjenama Bersama maka Pemegang Kad akan diberi 1 Mata Ganjaran GSC didarabkan dengan pendarab Mata Ganjaran GSC berdasarkan kategori perbelanjaan seperti berikut:

Bil.	Kategori Perbelanjaan	Pendarab Mata Ganjaran GSC
1.	Perbelanjaan GSC	3X
2.	Perbelanjaan Luar Negara	3X
3.	Perbelanjaan E-dagang	3X
4.	Perbelanjaan Runcit Lain	1X
5.	Perbelanjaan terkumpul atas Perbelanjaan Runcit minimum RM1,000 dalam satu bulan kalendar	Tambahan 1X*

- a) Perbelanjaan Luar Negara merujuk mana-mana perbelanjaan runcit yang dicaj dalam mata wang asing tanpa mengira lokasi transaksi itu dilakukan.
- b) Perbelanjaan GSC merujuk pembelian tiket filem dan/atau barangan konsesi menerusi laman web GSC/aplikasi mudah alih GSC/kaunter GSC
- c) Perbelanjaan E-dagang merujuk mana-mana pembelian runcit dalam talian tanpa mengira mata wang.
- d) Perbelanjaan Runcit Lain merujuk mana-mana perbelanjaan runcit kecuali Perbelanjaan GSC, Perbelanjaan Luar Negara dan Perbelanjaan E-dagang.

*Perbelanjaan terkumpul atas Perbelanjaan Runcit Lain akan dikira berdasarkan transaksi yang tercatat dalam Kad Berjenama Bersama pada akhir setiap bulan kalendar. Pemegang Kad yang telah berbelanja minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) atas Perbelanjaan Runcit Lain akan berhak menerima tambahan 1X GSC Mata Ganjaran pada bulan berikutnya.

23. Program Mata Ganjaran GSC tidak meliputi pendahuluan tunai, Pindahan Baki (BT), Call-for-Cash (CFC), Pelan Bayaran Fleksi (FPP), pindahan dana dan apa-apa fi dan caj yang dikenakan oleh Bank.
24. Bagi Pelan Bayaran Lanjut (“EPP”), mata Ganjaran GSC akan diberi berdasarkan amaun ansuran bulanan.
25. Program Mata Ganjaran GSC akan ditentukan oleh tarikh pencatatan transaksi, iaitu tarikh transaksi itu dicatatkan dalam akaun Kad Berjenama Bersama Pemegang Kad.
26. Pemegang Kad hanya akan berhak menerima Mata Ganjaran bagi semua transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad Berjenama Bersama. Pemegang Kad tidak dibenarkan menukar sebarang mata ganjaran yang diterima daripada kad kredit Bank lain menjadi Mata Ganjaran GSC.

Penebusan Mata Ganjaran GSC

27. Pemegang Kad hanya akan berhak menggunakan Mata Ganjaran GSC untuk menebus tiket filem GSC bagi filem 2D, filem 3D, 4DX, Twin Seats, D-Box, MAXX, Premium Leather Seats, Gold Class dan Premiere Class dan item konsesi di semua pawagam GSC **kecuali** (i) GSC Terminal 1, Seremban (ii) kerusi Signature halls; dan (iii) **semua** Aurum Theatre (“Penebusan”) tertakluk kepada:
 - a) Penebusan tidak terpakai kepada semua tiket berdiskaun;
 - b) Pemegang Kad mestilah mempunyai bilangan Mata Ganjaran GSC yang mencukupi dalam Kad Berjenama Bersama mereka; dan
 - c) Pemegang Kad mestilah menunjukkan Kad Berjenama Bersama di kaunter pawagam GSC untuk membuat penebusan.
28. Dua ratus (200) Mata Ganjaran GSC adalah setara dengan Ringgit Malaysia Satu (RM1) dari segi nilai tiket filem/item konsesi yang dibeli, dan nilai ini tertakluk kepada perubahan sebagaimana ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

Contoh:

Bil.	Produk Penebusan	Penukaran Mata Ganjaran GSC (RP)	Penebusan RP dikehendaki
1.	Satu (1) Tiket Filem GSC	200 RP = RM1	RM18.50 satu tiket = 3,700 RP
2.	One (1) Set Kombo	200 RP = RM1	RM12 satu set kombo = 2,400 RP

29. Pemegang Kad juga berhak menebus produk atau perkhidmatan daripada Katalog Ganjaran Hong Leong Club dengan menggunakan Mata Ganjaran GSC yang diperolehi berdasarkan bilangan mata ganjaran yang dikehendaki seperti tertera dalam katalog.
30. Pemegang Kad juga berhak melakukan penebusan serta-merta di peniaga terpilih (selain daripada yang ada di GSC Terminal 1, Seremban dan Aurum Theatre) menggunakan Mata Ganjaran GSC.
31. Bank berhak memotong atau membatalkan Tawaran Tiket Filem GSC, Tawaran Kod Promo Tiket Filem GSC, Tawaran Item Konsesi, Keistimewaan Jamu Selera, Program Mata Ganjaran GSC dan/atau Penebusan Mata Ganjaran GSC dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad.

32. Keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kad Berjenama Bersama adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad.
33. Perjanjian Pemegang Kad hendaklah, sama ada berulang di dalam ini atau tidak, dianggap telah terangkum dalam T&Cs ini. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Perjanjian Pemegang Kad dengan terma dan syarat seperti tertera di sini, maka terma dan syarat seperti tertera di sini hendaklah diutamakan.
34. Bank berhak:
 - a) mengubah, menggugurkan atau menambah manfaat atau ganjaran Kad Berjenama Bersama seperti mana dinyatakan dalam T&Cs ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal, termasuk tetapi tidak terhad kepada Tawaran Tiket Filem GSC, Tawaran Kod Promo Tiket Filem GSC, Tawaran Item Konsesi, Keistimewaan Jamu Selera, Program Mata Ganjaran GSC, dan/atau Penebusan Mata Ganjaran GSC; atau
 - b) mengubah, menggugurkan atau menambah mana-mana T&Cs ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal; atau
 - c) mengubah, membatalkan, menggantung atau menamatkan ciri dan manfaat Kad Berjenama Bersama dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal; dan apa-apa perubahan, pengguguran, penambahan, pembatalan, penggantungan atau penamatan tersebut oleh Bank boleh dilakukan dengan cara meletak notis am dalam mana-mana keluaran akhbar kebangsaan harian atau dengan menampal notis am dalam mana-mana cawangan Bank atau laman webnya atau dengan merangkumkan notis itu ke dalam penyata pembilan Bank yang akan diedarkan kepada Pemegang Kad secara berkala, atau apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank. Notis tersebut hendaklah berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis dan jika tiada tarikh disebut, maka akan berkuat kuasa dari tarikh notis itu.
35. Pemegang Kad bersetuju bahawa dengan berterusan menggunakan Kad Berjenama Bersama setelah menerima notis awal daripada Bank menurut Fasal 34 akan menjadi persetujuan mereka terhadap perubahan, pengguguran, penambahan, pembatalan, penggantungan dan/atau penamatan tersebut.
36. Selain daripada kerosakan yang timbul secara langsung akibat keingkaran sengaja atau kecuaiian melampau Bank, maka dengan itu Bank atau mana-mana pegawai, penjawat, pekerja, wakil dan/atau ejennya sama sekali tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa batasan, hilang pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tak langsung, bersampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) bagaimana berbangkit pun bersabit dengan Kad Berjenama Bersama dan T&Cs di dalam ini, meskipun Bank telah terlebih dahulu diberitahu akan kemungkinan kerugian atau kerosakan sedemikian, dan kerugian dan kerosakan sedemikian adalah nyata dikecualikan.
37. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang keingkaran kerana bencana alam, peperangan, rusuhan, pemogokan, sekat masuk kerja, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, wabak, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa peristiwa di luar kawalan munasabah Bank.
38. Sejauh mana yang dibenarkan undang-undang, Bank tidak memberi sebarang representasi atau waranti berkenaan barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh GSC berkait dengan Tawaran Tiket Filem GSC, Tawaran Kod Promo Tiket Filem GSC, Tawaran Item Konsesi,



Keistimewaan Jamu Selera, Program Mata Ganjaran GSC dan Penebusan Mata Ganjaran GSC. Pemegang Kad hendaklah menghubungi GSC secara langsung jika ada apa-apa kemusykilan atau persoalan berkait dengan barangan dan perkhidmatan tersebut.

39. Terma dan syarat dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia.